

PM minta penduduk sokong calon BN

BN 3 JUL 2001

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas supaya menyokong calon yang dipilih Barisan Nasional (BN) untuk bertanding dalam pilihan raya kecil bagi kerusi itu.

Perdana Menteri berkata, BN akan mengumumkan nama calon untuk mempertahankan kerusi itu apabila tiba masa yang sesuai.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum ini, menetapkan tarikh penamaan calon pada 12 Julai ini dan jika ada pertandingan, pengundian ditetapkan pada 21 Julai.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Likas, Datuk Yong Teck Lee masih layak bertanding kerana keputusan mahkamah tidak mensabitkan bekas Ketua Menteri Sabah itu sebagai bersalah.

"Tetapi dalam keputusan mahkamah, ia tidak berkata bahawa Datuk Yong bersalah, cuma dia (hakim) kata pilihan raya itu tidak boleh dianggap sebagai menepati undang-undang," katanya selepas mempeugerusikan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia di sini, hari ini.

Ditanya sama ada kenyataannya itu bererti BN akan mencalonkan semula Yong untuk mempertahankan kerusi Likas, Dr Mahathir berkata: "Kalau dikira dari segi keputusan mahkamah, dia masih boleh.... (bertanding). Sama ada bijak atau tidak (pemilihan Yong), itu soal lain.

Dr Mahathir berkata, BN akan membuat persediaan untuk menghadapi pilihan raya kecil itu.

Bagaimanapun katanya, setakat ini beliau belum menerima sebarang nama yang dicadangkan BN Sabah untuk dipilih bertanding.

Pilihan raya kecil DUN Likas diadakan berikutan keputusan Mahkamah Pilihan Raya di Kota Kinabalu pada 8 Jun lalu yang

umum yang diadakan pada 13 Mac 1999, sebagai tidak sah dan batal.

Hakim Datuk Muhammad Kamil Awang dalam keputusannya itu antara lain berkata daftar pemilih 1998, yang digunakan pada pilihan raya 1999 bagi kerusi DUN Likas itu, tidak sah kerana terdapat pengundi 'hantu' termasuk di kalangan bukan warga negara.

Pada pilihan raya itu, Yong mengekalkan kerusi DUN Likas bagi BN dengan majoriti 4,962 undi, mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr Chong Eng Leong, calon Parti Bersekutu Datuk Harris Salleh dan tiga calon lain - Zulkifli Lajah (Setia), Yahya Kassim (Pas) dan Saudin Kadis (Bebas).

Berikutan itu, dua petisyen pilihan raya dikemukakan untuk memohon diisytiharkan pilihan raya Likas sebagai tidak sah dan batal.

Mengenai tindakan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Wan Azizah Ismail yang mengadakan pertemuan dengan anggota Kongres Amerika Syarikat di Washington baru-baru ini, Dr Mahathir berkata:

"Itu hak dia. Jadi kalau kita mula jemput orang luar untuk menentukan masalah dalaman negara kita, akhirnya kita akan kehilangan kebebasan."

Mengenai tindakan yang sama dilakukan Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor yang menemui Menteri Luar Australia baru-baru ini, beliau berkata terpulang kepada rakyat untuk menilai tindak-tanduk pemimpin pembangkang itu.

"Tak apalah, kalau rakyat suka macam itu, terpulang kepada rakyat nak sokong orang yang selalu panggil kuasa asing untuk menguasai negara sendiri. Di zaman dulu dipanggil orang ini sebagai pengkhianat, tetapi di zaman sekarang ini nampak ada orang anggap perbuatan yang semacam ini sebagai perbuatan yang mulia," kata-